

Koridor Utara capai hasil 2010

u.m. m/s 3 31.7.07

ALOR STAR 30 Julai – Kerajaan Kedah yakin pelaksanaan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (Koridor Utara) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini hari ini akan menampakkan hasilnya menje-

lang 2010.

Menteri Besarnya, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, keberkesanan pelan tersebut banyak bergantung kepada rakyat sama ada mereka mahukan perubahan atau menolaknya.

Katanya, program pembangunan komprehensif yang disediakan kerajaan itu akan menjadi sia-sia jika rakyat masih berpeluk tubuh tanpa mengambil inisiatif untuk sama-sama terlibat memajukan diri, keluarga, masyarakat dan negeri.

“Saya penuh yakin dan percaya jika semua ini dapat dipenuhi, kita akan dapat melihat kesan daripada Koridor Utara ini dalam tempoh tiga tahun akan datang.

“Kita mahu lihat petani menjadi maju, sektor perkhidmatan lebih berkembang dan kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) bertambah rancak, insya-Allah,” katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Koridor Utara yang disempurnakan oleh Perdana Menteri di Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Ampang Jajar di sini.

Mahdzir berkata, Koridor Utara muncul tepat pada waktunya ketika rakyat memerlukan satu anjakan pembangunan dan ia juga selaras dengan komitmen serta usaha kerajaan negeri untuk membangunkan negeri Kedah yang mendapat jolokan jelang padi negara.

Beliau percaya pelan tersebut akan membantu menyerlahkan potensi sektor pertanian di seluruh kawasan yang terlibat dan seterusnya mentransformasikan imej Kedah yang selama ini dikenali sebagai pusat pengeluaran padi negara menjadi zon industri makanan moden.

Bagi memastikan rakyat menerima perubahan itu, beliau berkata, kerajaan negeri akan menggandakan usaha memberi penerangan dan motivasi.

“Penerangan dan maklumat kepada para petani, nelayan, guru-guru, Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), imam-imam dan semua golongan akan disalurkan supaya mereka dapat mempersiapkan diri untuk menghadapi perubahan cara hidup,” katanya.

MODUL Koridor Utara yang menghubungkan pelbagai aktiviti empat negeri utara menarik perhatian pengunjung semasa melawat ruang pameran Wilayah Ekonomi Koridor Utara di MADA Ampang Jajar, Alor Star, semalam.

